

SULIT

www.lamanbahasa.wordpress.com

**GERAK GEMPUR SPM
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Ogos**

1103/2 (PP)

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk penulisan dan media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 18 halaman bercetak

**1103/2(PP)
SULIT**

**SULIT
1103/2(PP)**

Markah penuh 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) Isi [20 markah]**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)Penutup/ Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

1103/2**SULIT****SULIT****1103/2(PP)**

Pendahuluan

Petikan membincangkan cara-cara/langkah-langkah/kaedah memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara kita.	2
Petikan membincangkan cara-cara/langkah-langkah/kaedah memupuk perpaduan.	1
Rumusan membincangkan usaha-usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat dan kebaikan perpaduan kaum di negara kita.	0

Isi Tersurat [4 -12 markah]

S1. Rakyat bergaul dan memupuk persefahaman antara kaum.	2
S2. Ibu bapa perlulah menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam diri anak-anak sejak kecil.	2
S3. Institusi-institusi pendidikan perlu bertanggungjawab menerapkan semangat bersatu padu dalam kalangan pelajar berbilang kaum.	2
S4. Guru tidak boleh mencetuskan isu-isu sensitif semasa mengajar.	2
S5. Pelajar-pelajar perlulah belajar dan menghayati sejarah negara	2
S6. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum	2
S7. Rakyat Malaysia hendaklah menghindari sebarang tindakan yang dapat mencetuskan provokasi kaum.	2
S8. Masyarakat setempat sewajarnya menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan pelbagai kaum	2
S9. Kerajaan perlulah berusaha menerapkan gagasan Satu Malaysia dalam kalangan rakyat.	2

Isi Tersirat [4 – 12 markah]

T1. Rakyat hidup dalam keadaan selamat	2
T2. Negara aman dan harmoni	2
T3. Meningkatkan imej negara	2
T4. Menarik minat pelancong asing ke negara kita	2
T5. Dapat membangunkan ekonomi negara/ menarik pelaburan	2
T6. Dapat mengelakkan sikap mementingkan diri sendiri	2

Penutup / Kesimpulan

Kesimpulannya, perpaduan dalam kalangan masyarakat perlu dipupuk demi membentuk masyarakat yang harmoni.	2
----------------------------------------------------------------------------------------------------------	---

1103/2

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat demi melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu. 2

Konklusinya, pihak kerajaan perlulah mengadakan pelbagai aktiviti yang dapat memupuk perpaduan kaum supaya negara kekal aman / sejahtera. 2

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20	9 – 10	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik
	15 – 17	7 – 9	- Kosa kata luas - Tanda bacaan / ejaan betul
Sederhana	12 – 14	6 – 7	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan
	8 – 11	4 – 6	- Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan / ejaan juga Memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada **120 perkataan, markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

SULIT **1103/2(PP)**

SULIT **1103/2(PP)**

Soalan 2

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan, ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

Soalan 2(a)(i) Maksud rangkai kata *pelbagai kaum*

- Berbagai-bagai/bermacam-macam bangsa/ etnik/ras

[maksimum : 2 markah](ii) Aktiviti kemasyarakatan yang dapat mengeratkan perhubungan antara masyarakat pelbagai kaum; **[isi cukup : 2]**

- gotong-royong
- menyertai Program Rukun Tetangga
- menjayakan aktiviti Bulan Kemerdekaan

[maksimum : 3 markah](iii) Usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menerapkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar: **[isi cukup : 3]**

- meminta pihak sekolah melaksanakan RIMUP (Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan)
- mencadangkan tempat duduk dalam kelas bersebelahan kaum yang berbeza
- mencadangkan setiap persatuan disertai oleh semua kaum
- mencadangkan mengadakan perayaan pelbagai kaum di sekolah
- menyeru perpaduan dalam ucapan / perhimpunan
- menulis artikel / rencana tentang perpaduan kaum dalam majalah sekolah
- mengadakan pelbagai pertandingan yang berunsurkan perpaduan

[maksimum : 4 markah]**Soalan 2(b) – Petikan drama**(i) Maksud *renungkan kembali*;

- | | |
|----------------------------------------------------------|---|
| - memikirkan sesuatu semula | 2 |
| - memikirkan / mengimbas / mengingati/ mengenang kembali | 1 |
| - renungkan semula | 1 |

[maksimum : 2 markah]**1103/2(PP)****SULIT****SULIT****1103/2(PP)**

(ii) **Ciri-ciri untuk memajukan diri; [isi cukup: 2]**

- sikap tidak berputus asa / gigih / berdaya saing / positif
- menuntut pelbagai ilmu / kemahiran ICT / transformasi
- bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat
- mentaati agama / mematuhi undang-undang
- mendapatkan pandangan orang yang lebih berpengalaman
- belajar daripada kesilapan

[maksimum : 3 markah]

(iii) **Perwatakan Salmah dalam petikan;**

- **Berani.**
Salmah berpendapat bangsa yang maju ialah bangsa yang berani menerima kritikan. 1 + 1
- **Bertanggungjawab.**
Salmah menganggap dirinya dan rakyat Malaysia bertanggungjawab terhadap tanah air. 1 + 1

Perwatakan Salmah dalam keseluruhan drama;

- **Petah berkata-kata / berhujah.**
Salmah berdialog tentang pembangunan negara dengan Chandran dan Chong. 1 + 1
- **Rasional / berfikiran terbuka.**
Salmah tidak mahu mempersoalkan kewujudan makhluk Utopia, namun isu yang dibahaskan harus difikirkan. 1 + 1

[maksimum : 4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik(i) **Maksud *juak-juak sekalian*;**

- semua hamba raja / biduanda 2
- semua hamba pengiring raja 2
- hamba raja / pengiring raja sekalian 1

[maksimum : 2 markah]

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

(ii) Adat perkahwinan yang dijalankan; [isi cukup : 2]

- mulai bekerja / berjaga-jaga pada hari yang baik/sesuai
- mengadakan perarakan
- diadakan upacara mandi-manda
- perarakan bersama-sama kumpulan anak buah seperti orang Bugis dan orang Matan

[maksimum : 3 markah]

(iii) Tindakan mengekalkan kesepakatan; [Isi cukup : 2]

- saling membantu ketika dalam kesusahan
- mengelakkan pergaduhan / pertelingkahan / syak wasangka
- memupuk semangat bertolak ansur / bertoleransi
- menghormati antara satu sama lain
- melakukan aktiviti bersama-sama
- mengadakan perbincangan

[maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi**(i) Perkara yang disukai;**

- | | |
|------------------------------------|---|
| - gerimis di Kota London | 1 |
| - angin dingin-tajam di Washington | 1 |
| - pohon-pohon hijau | 1 |
| - pohon-pohon aneka warna | 1 |

[maksimum : 2 markah]

(ii) Tindakan untuk mewujudkan keamanan di seluruh dunia; [isi cukup: 2]

- mewujudkan hubungan diplomatik semua negara / hubungan baik
- menganjurkan seminar / simposium keamanan serantau / bengkel / persidangan
- mewujudkan perjanjian damai / persefahaman
- menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang
- penyelesaian masalah secara perundingan / perundangan / diplomasi

[maksimum : 3 markah]

1103/2(PP)
SULITSULIT
1103/2(PP)

(iii) Pengajaran; [isi cukup : 2]

- Kita haruslah menganggap manusia sama taraf walau di mana-mana pun mereka berada / berlainan negara. 2
- Kita mestilah mewujudkan hubungan harmoni sesama negara dan rakyatnya. 2
- Kita hendaklah mengimpikan kehidupan yang lebih baik dan harmoni. 2
- Kita perlulah mewujudkan dan mengekalkan keamanan sejagat. 2
- Kita wajarlah menganggap setiap tempat mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. 2
- Kita sepatutnya sedar bahawa manusia seringkali dipisah dan dibezakan oleh sempadan waktu dan tempat. 2

[maksimum : 4 markah]

Peraturan Pemarkahan

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan markah penuh 1 markah.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.

Jawapan 3(a)

- i) diam – tidak bercakap, tidak bergerak-gerak atau berbuat apa-apa,

diam-diam – dengan tidak memberitahu orang, secara senyap-senyap, secara sulit
- ii) lama- panjang masanya, telah wujud dalam jangkamasa yang panjang, tidak moden lagi, yang digunakan sebelum dapat yang baru, berlaku pada masa yang sudah-sudah

lama-lama – dengan lama, akhirnya, kesudahannya, makin lama makin bertambah
- iii) malu – berasa aib (hina, rendah dll), perasaan aib (hina, rendah dll), menaruh hormat akan, berasa segan

malu-malu – nampaknya sangat malu

Jawapan 3(b)

- i) Ayat penyata
- ii) Ayat perintah
- iii) Ayat seruan
- iv) Ayat tanya
- v) Ayat penyata
- vi) Ayat perintah

1103/2(PP)**SULIT****SULIT****1103/2(PP)**

Jawapan 3(c)

- | | | | |
|-------|--------------|---|-------------|
| (i) | restaurant | - | restoran |
| | mengelakan | - | mengelakkan |
| (ii) | mengwartakan | - | mewartakan |
| | semulajadi | - | semula jadi |
| (iii) | cermelang | - | cemerlang |
| | diceburkan | - | diceburi |

Jawapan 3(d)

- | | | | |
|-------|-------------------|---|--------------------|
| (i) | penarafan | - | pengiktirafan |
| | sekolah prestasi | - | prestasi sekolah |
| (ii) | memantau | - | mengawal / menjaga |
| | dari | - | daripada |
| (iii) | semua murid-murid | - | semua murid |
| | kekecohan | - | kebisingan |

Jawapan 3(e)

- (i) Genggam bara api biar sampai jadi arang
- (ii) Abu di atas tunggul / Telur di hujung tanduk
- (iii) Pasang telinga

1103/2(PP)**SULIT****SULIT****1103/2(PP)**

Soalan 4
Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

Perhatian bagi soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Berikan 1 markah bagi kepincangan masyarakat yang tepat.
(iv) Berikan 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas
(v) Markah isi maksimum 4 markah.
(vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
(vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
Baik = 3 markah
Sederhana = 2 markah
Lemah = 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri 1 markah untuk peristiwa menarik bagi setiap novel
(iv) Berikan 1 markah bagi setiap huraian yang lengkap dan jelas
(v) Markah isi maksimum 6 markah.
(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
(vii) Markah bahasa diberikan secara `impression`
Baik = 2 markah
Lemah = 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[maksimum: 8 markah]

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

4 (a) Dua kepincangan yang berlaku dalam masyarakat.

MELUNAS RINDU

1. Masyarakat yang tidak amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan.

- Cikgu Zamani yang tidak menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang guru yang berdedikasi. Misalnya, dia kerap menghabiskan masa berbual-bual di kantin malah bertindak memburuk-burukkan rakan sekerja iaitu Farhana. Dia juga kerap tidak masuk ke kelas untuk mengajar sehingga menyebabkan suasana kelas menjadi riuh-rendah.

2. Masyarakat yang tidak bertanggungjawab sebagai ketua keluarga.

- Robert Lim (Roslan) yang tidak bertanggungjawab apabila meninggalkan Mariana yang baru dikahwininya selama tiga bulan sedangkan pada ketika itu Mariana telah pun mengandung. Perbuatan Roslan (Robert Lim) yang tidak bertanggungjawab itu telah menyebabkan Mariana tertekan lalu mengalami penyakit gila meroyan malahan, Abdul Halim (Fuad) mahu dibunuhnya.

3. Masyarakat yang suka memburuk-burukkan orang lain

- Cikgu Zamani menjemput rakan-rakan guru yang lain termasuk Fuad untuk menghadiri kenduri di rumahnya pada suatu malam. Cikgu Zamani mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan orang lain. Cikgu Zamani yang tidak suka akan sikap Farhana yang lepas laku menasihati Fuad supaya tidak memilih Farhana sebagai isterinya.

4. Masyarakat yang menjadi mangsa keruntuhan rumah tangga.

- Fuad terpaksa berpisah dengan ibunya Mariana setelah ayahnya iaitu Robert Lim bercerai dengan ibunya.

5. Masyarakat yang tidak boleh menerima teguran

- Cikgu Zamani marah apabila ditegur oleh Cikgu Farhana kerana tidak masuk ke kelas Matematik 5 Cemerlang .

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

6. Masyarakat yang tidak taat akan perintah agama.

- Farhana yang kerap meninggalkan solat ketika dalam perjalanan. Dia juga sering meninggalkan solat Subuh terutama ketika bercuti di rumah ibunya dan hanya menunaikan solat mengikut keselesannya.

KABUS DI PERBUKITAN

1. Masyarakat yang mengalami keruntuhan rumah tangga.

- Peristiwa penceraian Mejar (B) Kamaruddin dengan isterinya, Salmah. Penceraian Mejar (B) Kamaruddin dengan Salmah telah menyebabkan Faridah dan Rahayu berpisah dan mendatangkan kesan buruk kepada Salmah dan Rahayu.

2. Masyarakat yang longgar pegangan agama.

- Melina yang masih minum arak walaupun Melina dididik mengikut ajaran Islam. Kepincangan masyarakat sedemikian sering berlaku dalam kalangan masyarakat yang longgar pegangan agamanya.
- Benny minum arak walaupun dia orang Islam

3. Masyarakat yang terpengaruh dengan budaya hidup barat

- Melina yang mengamalkan gaya hidup bebas. Melina bebas bergaul dengan Benny walaupun Benny baru dikenalnya. Dia mengajak Benny masuk ke pangsapurnya sementara dia bersiap untuk ke pusat bandar.

4. Masyarakat yang tidak bertanggungjawab

- Kamarudin meninggalkan isterinya Salmah tanpa khabar berita dan tidak memberikan nafkah zahir batin terhadap isterinya.
- Benny meninggalkan Melina tanpa khabar berita

5. Masyarakat yang curang.

- Mejar (B) Kamarudin curang kepada isterinya dan berkahwin dengan Hamidah tanpa kebenaran isteri pertamanya, Salmah.

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

6. Masyarakat yang terlalu ekstrim dengan perjuangan Islam.

- Benny terpengaruh dengan perjuangan Islam yang ekstrim yang diketuai oleh Muhammad Attar sehingga mengabaikan tanggungjawabnya terhadap keluarga.

7. Masyarakat yang percaya kepada bomoh.

- Sarjan Yusof mencadangkan misteri kehilangan Faridah dan Iqbal diselesaikan oleh bomoh bukan dengan cara berdoa setelah pihak polis gagal menemui mereka.

4(b) Peristiwa menarik dalam novel

MELUNAS RINDU

1. Peristiwa Fuad mengetahui ibu kandungnya masih hidup daripada Pak Samsudin iaitu jiran Mariah (kakak angkat ibu Fuad). Pak Samsudin juga meyakinkan Fuad bahawa Fuad akan berjumpa dengan ibu kandungnya, Mariana sendiri bukan dengan kuburnya.

Peristiwa ini menjadikan perjalanan cerita bertambah menarik dan pembaca ingin mengetahui cerita yang seterusnya

2. Peristiwa Fuad mengetahui bahawa nama asal ketika dilahirkan ialah Abdul Halim dan nama Islam bapanya ialah Roslan. Fuad sendiri terkejut mendengarkan perkara itu daripada Pak Ngah Lias.

Peristiwa ini memberikan maklumat tentang sejarah hidup Fuad dan mengetahui identiti sebenar Fuad.

3. Peristiwa Fuad membantu ibu saudaranya, Swee Lan menyuapkan bubur nasi kepada bapa saudaranya, Peter Lim yang semakin uzur. Fuad juga membantu ibu saudaranya itu mengelap muntah bapa saudaranya, dan membawanya ke klinik.

Peristiwa ini memaparkan keperibadian Fuad yang bukan hanya kakak dari segi luaran malah mempunyai perwatakan dalaman yang berbudi pekerti mulia.

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

4. Peristiwa Fuad menyambut hari lahir Farhana. Bermula dengan pemberian kad ucapan, kemudian Fuad mengajak Farhana keluar makan di Restoran Terapung di Taman Syahbandar, Terengganu. Fuad juga mengucapkan 'Selamat Ulang Tahun ke-24 kepada Farhana.

Peristiwa ini memberikan gambaran Fuad dan Farhana sudah mula bercinta. Farhana senang dengan layanan mesra yang ditunjukkan oleh Fuad.

5. Peristiwa Fuad menyedari bahawa ibu Farhana adalah ibu kandungnya. Mariana dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan kerana menghidap penyakit lelah (asma). Semasa berada di hospital tersebut Fuad mengetahui ibu Farhana (Mariana) adalah ibu kandungnya yang dicari selama ini. Fuad tabah menerima kenyataan bahawa ibunya (Mariana) adalah ibu Farhana juga dan Farhana, gadis yang dicintai dan ingin dikahwininya adalah adik kandungnya sendiri.

Peristiwa ini membawa unsur kejutan kepada pembaca dan pembaca berasa simpati kepada Fuad dan Farhana yang baru mula ingin bercinta. Perjalanan cerita menjadi bertambah menarik.

6. Pertemuan Fuad dengan ayah kandungnya, Robert Lim di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Fuad ingin membalas jasa orang tuanya dengan membawa Mariana (ibu kandungnya), Mak Salmah (ibu angkat) dan Pak Ismail (bapa angkatnya) menunaikan umrah di Mekah. Robert Lim memberikan harapan bahawa dia akan menyusul mereka kemudian dan dia dan Fuad saling berpelukan.

Peristiwa ini menandakan Fuad sudah memaafkan bapanya dan hubungan antara kedua-dua beranak itu sudah jernih.

7. Peristiwa Fuad mengajar murid-murid secara individu di dalam kelas lanjutan untuk membantu murid-murid di SM Seri Setia menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Peristiwa tersebut membuktikan kesungguhan dan keikhlasan Fuad melaksanakan tugas sebagai pendidik.

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

KABUS DI PERBUKITAN

1. Peristiwa yang berlaku ketika Faridah berada dalam keadaan bawah sedar. Faridah berada pada zaman lampau. Faridah berada di suatu tempat asing, iaitu di Bukit Kutu dan Pekan Sungai Kubu. Faridah pergi ke pekan tersebut ditemani oleh Amah Siti. Faridah melihat cara penduduk pada zaman itu begitu asing baginya. Faridah merasakan dia berada pada zaman penjajahan Inggeris sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Peristiwa tersebut menggambarkan kehidupan masyarakat pada zaman penjajahan Inggeris.

2. Peristiwa Rahayu bertemu dengan Faridah dalam keadaan bawah sedar. Mereka bertemu di dalam sebuah rumah papan yang hampir roboh ditolak arus. Selepas diselamatkan Rahayu, Faridah memeluk adiknya dengan erat untuk melepaskan rindu setelah bertahun-tahun tidak bertemu. Selepas Faridah sedar, Rahayu telah pun meninggal dunia.

Peristiwa tersebut menggambarkan keistimewaan hubungan kembar antara Faridah dan Rahayu yang masih boleh berhubung walaupun jasad mereka terpisah jauh.

3. Peristiwa Faridah bertemu dengan Zain di banglonya di Rosewood, Christchurch, New Zealand.

Pertemuan itu menguatkan lagi keinginan Faridah untuk pulang ke tanah air kerana Zain juga berasal dari Sungai Besar, Selangor.

4. Peristiwa Melina bertemu semula dengan suaminya, Benny di Dubai. Benny terpaksa melarikan diri dan meninggalkan Melina seorang diri di Marang, Terengganu. Benny meminta maaf dan akhirnya mereka mengambil keputusan untuk terus menetap di Dubai.

Pertemuan itu merungkai masalah yang dihadapi oleh Melina dan akhirnya mereka hidup bahagia.

5. Peristiwa Faridah dan Iqbal ditemui semula di Perkampungan Orang Asli Temuan oleh ayahnya, Mejar (B) Kamarudin dan Buyung dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Pertemuan ini merungkai misteri kehilangan Faridah dan Iqbal selama dua minggu selepas kemalangan jalan raya di Bukit Fraser.

1103/2(PP)

SULIT

SULIT

1103/2(PP)

6. Pertemuan Azrul dengan Faridah ketika melawat kubur Rahayu di Tanah Perkuburan Parit Satu, Sungai Besar.

Peristiwa ini mencerminkan kesetiaan dan keluhuran kasih Azrul terhadap kekasihnya, Rahayu walaupun Rahayu telah pergi buat selama-lamanya. Malah Azrul tidak mahu berhijrah ke tempat lain semata-mata ingin dekat dengan Rahayu. Kata-kata perangsang Rahayu agar dia bekerja sendiri tanpa makan gaji juga terus membakar semangatnya untuk bekerja sendiri iaitu menternak kambing di kampungnya.

7. Pertemuan antara Zain dan Anne di Christchurch, New Zealand ketika Zain cuba membaiki kereta Anne yang rosak

Pertemuan itu telah memutikkan bibit-bibit cinta yang akhirnya mengikat mereka dengan hubungan suami isteri yang mengembalikan semula nostalgia yang begitu bermakna bagi dua buah keluarga iaitu keluarga Faridah dan Datuk Azrul.

8. Operasi mencari Faridah dan Iqbal yang dinamakan OPS PDK melibatkan banyak pihak seperti Bomba dan Penyelamat, Hospital Daerah, RELA, Perhilitan dan Pejabat Daerah Raub serta Hulu Selangor.

Situasi ini menunjukkan kesungguhan pelbagai pihak bekerjasama berusaha mencari dan menyelamatkan dua orang rakyat tempatan yang hilang di Bukit Fraser.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT